

17 DEC 2001

Mahathir-Veto

KUASA VETO NAFI HAK DEMOKRASI MASYARAKAT ANTARABANGSA, KATA DR M

PUTRAJAYA, 17 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kuasa veto pada lima kuasa besar dunia di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa (PBB) merugikan masyarakat antarabangsa.

Ini, kata Perdana Menteri, menafikan hak demokrasi di kalangan negara-negara dalam hubungan antarabangsa.

Beliau berkata demikian ketika mengulas tindakan Amerika Syarikat yang sekali lagi menggunakan kuasa vetonya untuk menentang resolusi Majlis Keselamatan yang menuntut penghantaran pemerhati antarabangsa ke Asia Barat yang kini menyaksikan pergolakan akibat tindakan ketenteraan Israel terhadap Palestin.

"Saya tidak tahu kenapa dia membantah. Dulu pun saya tulis kepada Presiden Amerika Syarikat George W. Bush memintanya supaya pasukan PBB dihantar ke situ dan bila jumpa dengannya di Shanghai (pada Persidangan Apec), saya tegaskan perkara ini tetapi nampak pendirian Amerika tidak berubah.

"Inilah yang menyebabkan saya berpendapat kuasa veto itu merugikan masyarakat antarabangsa. Kalau nak ada veto ia mestilah bersyarat," katanya.

Resolusi Majlis Keselamatan itu antara lain mahu pemerhati antarabangsa dihantar ke Tebing Barat dan Semenanjung Gaza bagi memantau keganasan yang tercetus antara Israel dan Palestin.

Meskipun mendapat sokongan 12 negara, manakala dua negara lagi berkecuali, resolusi itu terpaksa diketepikan kerana ditolak pentadbiran Bush.

Draf resolusi yang diusulkan Mesir dan Tunisia itu dikemukakan sehari selepas Israel bertindak memutuskan semua bentuk hubungan dengan pemimpin Palestin, Yasser Arafat.

Dr Mahathir berkata selagi tidak ada kehadiran tentera PBB, Israel akan terus membelasah rakyat Palestin dan orang Palestin akan membalasnya dengan tindakan berani mati.

Tentera PBB diperlukan untuk memisahkan orang Israel dengan Palestin memandangkan rundingan tidak mungkin dilaksanakan lagi.

Laporan terbaru dari Hebron di Tebing Barat berkata tentera Israel menembak mati seorang anggota kumpulan militan Islam, Hamas, dalam satu serbuan di situ.

-- BERNAMA

YBK ES PR